

**SEMINAR PENGAJIAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG  
DI INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI  
MALAYSIA PERINGKAT KEBANGSAAN**



**ANJURAN  
JABATAN SYARIAH  
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM**

**KERTAS KERJA III  
PENGAJIAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG  
DI FAKULTI UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI MALAYA**

**OLEH  
ENCIK TALAT MAHMOD A. RASHID DAN  
ENCIK KHALIL ROSLAN**

**PADA  
25 - 26 OGOS 1993**

**TEMPAT  
BILIK JUMAAH  
PARAS 5, BANGUNAN PENTADBIRAN  
UKM BANGI**

*Perpustakaan Undang-Undang  
Universiti Malaya*

## Pengenalan

Fakulti Undang-Undang ditubuhkan pada tahun 1972 dengan kumpulan pertama pelajar seramai lebih kurang 50 orang. Sebelum ini Fakulti Udnang-Undang, Universiti Malaya adalah berpusat di Singapura yang kini adalah National University of Singapore. Tahun ini merupakan tahun ke 21 Fakulti ini ditubuhkan dan lebih 1,500 graduan yang berkelayakan undang-undang telah disumbangkan oleh Fakulti ini.

Kertas kerja akan cuba memberi sedikit sebanyak gambaran mengenai pengajian undang-undang di Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya. Oleh kerana tema seminar/bengkel ini lebih menumpukan kepada Pengajian Syariah Institut Pengajian Tinggi, gambaran yang ringkas sahaja akan diketengahkan mengenai pengajian undang-undang sivil. Bahagian kedua kertas ini akan cuba menerangkan secara terperinci pengajian syariah dan undang-undang Islam amnya di dalam sukatan pelajaran di Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya.

### 1. Kursus Yang Ditawarkan

#### (a) Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang Dengan Kepujian

Kumpulan terbesar pelajar di Fakulti ini adalah yang mengikuti kursus untuk mendapatkan ijazah Sarjana Muda Undang-Undang. Pengambilan pelajar adalah lebih kurang 100 orang setiap tahun dan ada lebih kurang 400 orang mahasiswa semuanya yang mengikuti kursus ini. Tempoh minima untuk pengajian bagi kursus ini adalah empat tahun sementara tempoh maksimum adalah enam tahun.

Terdapat lebih kurang empat puluh (40) matapelajaran yang ditawarkan sepanjang empat tahun pengajian di Fakulti ini. Ini merangkumi matapelajaran wajib dan pilihan, dan tidak termasuk kursus Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. (Sila lihat Lampiran A) untuk senarai matapelajaran yang ditawarkan).

Memandangkan adalah penting untuk seorang peguam itu berkebolehan untuk berkomunikasi, Fakulti menitikberatkan kemahiran berkomunikasi di dalam dua bahasa yang paling luas digunakan di dalam urusan kepeguanan iaitu Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Untuk mencapai tujuan ini, Fakulti mewajibkan pelajarnya mengikuti kursus Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris Khas, bergantung kepada kebolehan pelajar masing-masing. Mereka wajib lulus matapelajaran bahasa ini sebelum boleh naik ke tahun pengajian seterusnya. Fakulti juga mewajibkan kuliah dijalankan dalam Bahasa Melayu dan tutorial dijalankan di dalam Bahasa Inggeris. Pengecualian diberi kepada pensyarah dari luar negara.

Selain dari matapelajaran ini, pelajar undang-undang juga diwajibkan menyertai Program Mool di Tahun Ketiga pengajian supaya dapat melatihkan diri dari segi praktis dalam bidang guaman. Kursus adunkaci juga dimestikan setiap pelajar Tahun Akhir. Kedua-dua program ini dijalankan dengan bantuan Hakim-Hakim Mahkamah di Malaysia, peguam juga berpengalaman dari dalam dan luar negara.

(b) Kursus Ijazah Tinggi

Fakulti juga menjalankan pengajian di peringkat lepasan ijazah. Ijazah Tinggi yang ditawarkan oleh Fakulti Undang-Undang ialah:

- (i) Sarjana Undang-Undang (LLM)
- (ii) Sarjana Undang-Undang Perbandingan (MCI)
- (iii) Doktor Falsafah (PhD)

(Maklumat lanjutan mengenai perkara di atas boleh diperolehi dari Buku Panduan Ijazah Tinggi, Fakulti Undang-Undang).

(c) Kursus Tanpa Penganugerahan Ijazah

Selain dari kursus akademik di atas, Fakulti Undang-Undang juga buat masa kini ada menjalakan beberapa kursus tambahan bagi menambahkan sumbangan Fakulti kepada pengajian undang-undang di negara ini.

(i) Kursus Khas Untuk Sijil Amalan Guaman

Kursus ini dijalankan dengan bantuan kakitangan dari Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya sendiri, dan juga kakitangan dari Jabatan Peguam Negara dan peguam, majistret dan lain-lain pengamal undang-undang. Kursus ini dijalankan bertujuan menyediakan calon untuk menghadapi Peperiksaan Sijil Amalan Guaman yang dikendalikan oleh Lembaga Kelayakan Malaysia.

(ii) Kursus Pengajian Undang-Undang Lanjutan

Kursus ini baru dimulakan pada tahun ini. Kursus ini diadakan secara berasingan mengikut bidang-bidang tertentu dan bukan sahaja terbuka kepada mereka yang berkelulusan undang-undang. Antara kursus yang telah dijalankan termasuklah dalam bidang prosedur, pembicaraan jenayah, undang-undang insuran dan harta intelektual.

(d) Kuliah Umum

Sekurang-kurangnya setahun sekali, Fakulti Undang-Undang menganjurkan Kuliah Umum mengenai undang-undang dan dibuka untuk penyertaan orang awam. Antara siri kuliah umum yang paling utama ialah siri kuliah umum DYMM Raja Azlan Shah. Setiap tahun pakar undang-undang termasuk hakim-hakim dari luar negara dijemput memberi kuliah berkaitan isu undang-undang yang penting dan terkini.

2. Tenaga Pengajar

Fakulti Undang-Undang mempunyai di antara pakar undang-undang yang ternama dan dihormati dalam bidang masing-masing sebagai tenaga akademik. Buat masa kini terdapat lima (5) profesor, lima (5) profesor madya, sembilan belas (19) pensyarah dan tujuh (7) pengajar yang mengajar di Fakulti Undang-Undang. Dari masa kesemasa terdapat juga profesor pensyarah pelawat dari luar negara yang datang membuat penyelidikan.

### 3. Pengajian Syariah

#### a. Bentuk Pengajian Syariah

Pengajian Syariah di Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya

boleh dibahagi kepada tiga bentuk:

i. Matapelajaran syariah sebagai satu kertas bersendiri yang ditawarkan di Fakulti Undang-Undang.

ii. Matapelajaran syariah sebagai satu kertas yang ditawarkan melalui fakulti lain, dan

iii. Matapelajaran syariah yang dimasukkan di dalam matapelajaran-matapelajaran yang ditawarkan di Fakulti Undang-Undang melalui tajuk-tajuk tertentu.

#### i. Matapelajaran Syariah Sebagai Kertas Bersendiri

Pengajian Syariah sebagai suatu kertas khusus yang ditawarkan di Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya bermula pada sesi pengajian 1974/75 apabila Kertas Undang-Undang Islam (LJ 309) mula ditawarkan sebagai salah satu kertas pilihan. Kandungan kertas Undang-Undang Islam (LJ 309) adalah mengenai pengenalan kepada Undang-Undang Islam, sumber undang-undang serta undang-undang keluarga Islam (al-Ahwal al-Syakhsiyah). Pada sesi pengajian 1976/77 kandungannya ditambah meliputi undang-undang pesaka (faraaid).

Sementara pada sesi pengajian 1984/85, pengajian Syariah telah maju setapak lagi dengan bertambahnya satu lagi matapelajaran syariah iaitu Undang-Undang Islam II (LJ 319). Kertas Undang-Undang Islam II (LJ 319) ditawarkan kepada para pelajar yang telah pernah mengambil Undang-Undang Islam (LJ 309) yang kemudiannya dikenali sebagai Undang-Undang Islam I (LJ 309). Bidang pengajian Undang-Undang Islam I (LJ 309) juga telah ditambah daripada sukanan pelajaran Undang-Undang Islam (LJ 309) dengan memasukkan sukanan pelajaran mengenai Kaedah-Kaedah Fiqh (Qwaid Fiqhiyah) daripada sukanan yang sedia ada.

Sementara sukanan pelajaran Undang-Undang Islam II (LJ 319) pula terbahagi kepada dua bahagian. Pertama, Undang-Undang Perlembagaan Islam (al-Siyasah al-Syar'iyah) dan kedua. Undang-Undang Jenayah Islam (al-Fiqh al-Jina'i al-Islami). Mulai sesi pengajian 1980/90 sukanan pelajaran bagi Undang-Undang Islam II (LJ 319) telah diubah dengan memasukkan pengajian Undang-Undang Keterangan (Fiqh al-Da'wa wa al-Baiyinat) bagi menggantikan Undang-Undang Perlembagaan (al-Siyasah al-Syar'iyah). Undang-Undang Jenayah Islam (al-Jina'i al-Islami) dikekalkan. Sukanan pelajaran bagi kedua-dua Undang-Undang Islam I (LJ 309) dan Undang-Undang Islam II (LJ 319) tidak mengalami perubahan besar sehingga kini.

### **ii. Pengajian Syariah Melalui Fakulti Lain**

Selain daripada ditawarkan mengambil matapelajaran-matapelajaran yang terdapat di Fakulti Undang-Undang, para pelajar Fakulti Undang-Undang juga ditawarkan mengambil kertas-kertas pilihan di beberapa fakulti lain seperti di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran dan Fakulti

Sastera dan Sains Sosial. Fakulti Sastera dan Sains Sosial khususnya di Jabatan Pengajian Islam menawarkan beberapa kertas pengajian Syariah yang boleh disertai pelajar Fakulti Undang-Undang.

Sejak di awal sesi pengajian 1970an lagi dan sehingga kini terakhir pada sesi pengajian 1984/85, para pelajar Fakulti Undang-Undang sering memilih kertas pengajian Syariah yang ditawarkan Jabatan Pengajian Islam. Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Di antara kertas-kertas yang pernah ditawarkan termasuklah Institusi-Institusi Islam (AG 130). Hukum Islam (AG 206), Hukum Islam II (AG 312) dan Hukum Islam Di Malaysia (AG 306). Sukatan pelajarannya meliputi daripada perkara-perkara asas fiqh Islam sehingga kepada pengkajian mengenai kedudukan mahkamah Syariah di Malaysia.

### **iii. Pengajian Syariah Melalui Matapelajaran Lain**

Pengajian Syariah yang disampaikan melalui matapelajaran-matapelajaran lain bermula diawal penubuhan Fakulti Undang-Undang di Universiti Malaya Kuala Lumpur iaitu pada tahun 1972. Pengajian Syariah bentuk ini dilaksanakan melalui penyampaian kuliah-kuliah dalam matapelajaran-matapelajaran lain dengan memasukkan tajuk-tajuk tertentu yang ada hubung kaitnya dengan undang-undang Islam.

Pengajian Syariah dalam bentuk yang sedemikian menjadi semakin popular dan mendapat perhatian yang lebih baik pada masa kini. Matapelajaran-matapelajaran yang menggunakan kaedah sampingan ini kian bertambah dari masa ke semasa. Pendekatan pengajian dalam bentuk ini

lebih menampakkan suatu usaha membuat pengajian perbandingan di antara undang-undang sivil dengan undang-undang Islam di dalam tajuk-tajuk yang sama.

Di antara matapelajaran-matapelajaran yang menggunakan kaedah sampingan ini ialan Urusan Bank dan Suratcara Niaga (LJ 407) yang meliputi prinsip-prinsip muamalat khususnya mengenai bank perdagangan Islam. Selain daripada itu di dalam matapelajaran Jurispruden (LM 401), perbahasan mengenai teori dan sumber undang-undang menggunakan pendekatan perbandingan berbagai mazhab undang-undang termasuk pendekatan jurispruden Islam.

Di samping pendekatan yang berbentuk sedemikian, terdapat juga matapelajaran-matapelajaran yang telah sedia ada menyediakan sukatan pelajaran yang berkaitan dengan pengajian Syariah. Umpamanya di dalam matapelajaran Undang-Undang Keluarga (LM 108), perbahasan mengenai undang-undang keluarga Islam membentuk bahagian besar sukatan pelajaran. Begitu juga di dalam matapelajaran Pengantar Kepada Sistem Undang-Undang di Malaysia (LM 103), sebahagian besar sukatan pelajarannya dikhaskan untuk pengkajian sumber-sumber utama undang-undang Malaysia termasuk Undang-Undang Islam.

#### b. Pengajian Syariah - Kertas Projek dan Tesis

Penulisan Kertas Projek (LJ 498) merupakan salah satu matapelajaran pilihan bagi para pelajar tahun akhir. Salah satu aspek undang-undang yang menjadi tumpuan penulisan para pelajar ialah

undang-undang Islam. Hasil-hasil penulisan kertas projek ini semasa dalam bentuk penulisan khusus mengenai undang-undang Islam atau pun kajian secara perbandingan. Ini merupakan satu lagi sumbangan Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya kepada pengajian Syariah di negara kita.

#### c. Pengajian Syariah Di Peringkat Ijazah Tinggi

Di peringkat ijazah sarjana Undang-Undang (LL.M), beberapa aspek pengajian Syariah dimasukkan di dalam sukanan pelajaran. Antaranya, di dalam matapelajaran insuran di mana insuran menurut prinsip Islam turut dimuatkan di dalam sukanan pelajaran. Di peringkat ijazah sarjana juga beberapa tesis yang mengkaji secara khusus topik-topik mengenai undang-undang Islam atau secara perbandingan di antara undang-undang Islam dengan undang-undang sivil telah dihasilkan.

#### d. Pengajian Syariah - Masa Depan dan Harapan

Pengajian Syariah kian mendapat tempat di dalam masyarakat negara kita pada masa ini. Para ahli undang-undang Islam mahu pun undang-undang sivil kini memberikan tumpuan kepada aspek undang-undang ini dalam bentuk dan pendekatan yang tersendiri. Di kalangan pelajar, minat dan kecenderungan ini dapat dilihat dari sambutan yang mereka berikan terhadap matapelajaran pilihan ini. para pelajar yang memilih matapelajaran ini pula bukan sahaja dari kalangan pelajar-pelajar Islam bahkan meliputi para pelajar yang bukan Islam. Jumlah para

pelajar yang mengambil kursus pilihan ini sentiasa bertambah dari tahun ke setahun berdasarkan perangkaan yang diperolehi (Sila lihat lampiran B).

Pengajian Syariah mempunyai masa depan yang cerah di Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya lebih-lebih lagi jika ianya dapat diperluaskan kepada cabang-cabang lain undang-undang Islam. Satu lagi kertas pilihan Undang-Undang Islam akan dapat memenuhi hasrat ~~tertentu~~.

Pengajian Syariah di Fakulti Undang-Undang harus dilihat sebagai suatu wadah yang amat berkesan bagi menyampaikan mesej undang-undang Islam terutamanya dalam memberi kefahaman kepada masyarakat yang bukan beragama Islam. Ini disebabkan ianya turut menjadi kursus yang dipilih pelajar yang bukan beragama Islam. Walau bagaimana pun, menjadikan pengajian Syariah sebagai salah satu matapelajaran wajib adalah langkah terbaik bagi mencapai hasrat ini.

#### Penutup

Sungguh pun pengajian Syariah di Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya dalam bentuknya yang tersendiri kelihatan agak terhad namun ia tetap memberi kesan yang baik kepada para pelajar. Di dalam usaha mempelbagaikan bentuk dan kaedah pembelajaran, pengajian Syariah di Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya seharusnya dilihat sebagai salah satu pilihan bentuk dan kaedah pembelajaran. Namun begitu sebarang usaha bagi meningkatkan lagi pengajian Syariah di Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya amat dialu-alukan dan harus diberikan sokongan yang menyeluruh.

## Senarai Kursus

**LAMPIRAN A**

**MAKLUMAT MATAPELAJARAN YANG DITAWARKAN SEPERTI  
YANG TERCATIT DI DALAM BUKU PANDUAN  
FAKULTI UNDANG-UNDANG SESI 1993/94**

**Senarai Kursus**

Tahun I	Kursus-kursus Bahasa
	LM 101      Bahasa Malaysia, atau
	LM 102      Special English I
	Kursus-kursus Akademik
	LM 103      Pengantar kepada Sistem Undang-Undang di Malaysia
	LM 105      Undang-Undang Tort
	LM 107      Undang-Undang dan Masyarakat
	LM 108      Undang-Undang Keluarga
Tahun II	Kursus-kursus Bahasa
	LM 201      Bahasa Malaysia II, atau
	LM 202      Special English II
	Kursus-kursus Akademik
	LM 203      Undang-Undang Jenayah
	LM 205      Undang-Undang Perlembagaan Malaysia
	LM 206      Undang-Undang Tanah
	LM 209      Undang-Undang Kontrak, dan
	LM 307      Undang-Undang Antrabangsa Awam, atau
	LJ 309      Undang-Undang Islam
Tahun III	Kursus-kursus Bahasa
	LM 301      Bahasa Malaysia III, atau
	LM 302      Special English III

Senarai Kursus  
Senarai Kursus

Tahun I	Kursus-kursus Bahasa
	LM 101 Bahasa Malaysia, atau LM 102 Special English I
	Kursus-kursus Akademik
	LM 103 Pengantar Kepada Sistem Undang- Undang di Malaysia
	LM 105 Undang-Undang Tort
	LM 107 Undang-Undang dan Masyarakat
	LM 108 Undang-Undang Keluarga
Tahun II	Kursus-kursus Bahasa
	LM 201 Bahasa Malaysia II, atau LM 202 Special English II
	Kursus-kursus Akademik
	LM 203 Undang-Undang Jenayah
	LM 205 Undang-Undang Perlembagaan Malaysia
	LM 206 Undang-Undang Tanah
	LM 209 Undang-Undang Kontrak, dan
	LJ 307 Undang-Undang Antarabangsa Awam, atau
	LJ 309 Undang-Undang Islam
Tahun III	Kursus-kursus Bahasa
	LM 301 Bahasa Malaysia III, atau LM 302 Special English III

## Senarai Kursus

Tahun III      Kursus-kursus Akademik

- LM 303      Undang-undang Persatuan
- LM 304      Undang-undang Keterangan
- LM 306      Ekuiti & Amanah (Termasuk Pentadbiran Pusaka), dan

dua daripada kursus-kursus berikut:

- LJ 307      Undang-Undang Antarabangsa Awam
- LJ 308      Undang-Undang Pentadbiran
- LJ 309      Undang-Undang Islam
- LJ 312      Pertelingkahan Undang-Undang
- LJ 315      Undang-Undang Hak Asasi Manusia dan Kemanusiaan Antarabangsa
- LJ 319      Undang-Undang Islam II (syarat LJ 309)
- LJ 404      Undang-Undang Buruh
- LJ 406      Undang-Undang Cukai
- LJ 416      Undang-Undang Persekutaran dan Sumber-Sumber Asli
- LJ 417      Undang-Undang Perlembagaan Perbandingan
- LJ 418      Undang-Undang Harta Intelektual dan Perindustrian
- LJ 419      Tuan Rumah dan Penyewa dan Urusniaga Tanah

Tahun IV      Kursus-kursus Akademik

- LM 401      Jurisprudens
- LM 402      Acara Sivil
- LM 405      Pentadbiran Keadilan Jenayah, dan

Tiga daripada kursus-kursus berikut:

- LJ 307      Undang-Undang Antarabangsa Awam
- LJ 308      Undang-Undang Pentadbiran
- LJ 309      Undang-Undang Islam
- LJ 312      Pertelingkahan Undang-Undang
- LJ 315      Undang-Undang Haj Asasi Manusia dan Kemanusiaan Antarabangsa
- LJ 316      Undang-Undang dan Pengguna,
- LJ 319      Undang-Undang Islam II (pra-syarat:LJ 309)
- LJ 403      Urusan-Urusan Perdagangan
- LJ 404      Undang-Undang Buruh
- LJ 406      Undang-Undang Cukai
- LJ 407      Bank dan Suratcara Urusniaga
- LJ 416      Undang-Undang Persekutaran dan Sumber-sumber Asli
- LJ 417      Undang-Undang Perlembagaan Perbandingan
- LJ 418      Undang-Undang Harta Intelektual dan Perindustrian
- LJ 419      Tuan Rumah dan Penyewa dan Urusniaga Tanah
- LJ 498      Kertas Projek

Ringkasan Kursus  
Kursus Tahun Pertama

LM 101  
Bahasa Malaysia I

Tujuan utama rancangan ini adalah untuk mendedahkan pelajar-pelajar kepada Bahasa Malaysia yang digunakan dalam undang-undang dengan membaca teks yang bersangkutan dengan judul-judul yang berhubung dengan perkara yang mereka baca atau akan baca di Fakulti supaya pada penghujung Tahun Pertama, mereka boleh mengikuti kuliah-kuliah yang diberi dalam Bahasa Malaysia; membaca teks dan membuat rujukan, menulis karangan mudah, bertutur serta mengambil bahagian dalam tutorial-tutorial yang dijalankan dalam Bahasa Malaysia.

1. The object of the course is to improve the student's ability to handle his academic texts through activities designed to teach him the following:

- a. how to use all the linguistic and non-linguistic resources available to him (i.e. his ability to read in his own language, his ability to reason, his existing knowledge at key words, in understanding texts in English).
- b. how writers use language to organise coherent, meaningful texts, and to use his developing knowledge of text organisation to read flexibly for specific purposes.

Wherever possible, texts used to develop the above skills are drawn from areas of immediate relevance to students in their legal studies.

2. Students are taught some reading-related study skills like referencing, note-taking, skimming and scanning.
3. The course is also aimed at improving the students' ability to deal with oral and written communication relevant to legal studies - e.g. the ability to take part in a conversation or tutorial on a legal subject; the ability to write a short summary of a case - by involving

**Kursus Janur Pertama****LM 107****Undang-Undang dan Masyarakat**

untuk  
Bahasa  
undang  
dengan  
erkara  
akulti  
mereka  
liberi  
s dan  
judah,  
dalam  
dalam

approve  
dent's  
texts  
ch him

c and  
lable  
end in  
ty ti  
ge at  
texts

e to  
ngful  
oping  
on to  
cific

i to  
from  
tom

lated  
ote-

oving  
oral  
t to  
take  
on a  
te a  
ving

**LM 103****Pengantar Kepada Sistem Undang-Undang di Malaysia**

them in fairly brief writing and oral activities that involve active use of the language.

4. Where a student's basic command of : language necessary to handle (1), (2), (3) above is seen to be deficient exercises specifically designed to butt up this core of language are given.

Kursus ini dimulakan dengan pengkajian sejarah sistem undang-undang di Malaysia semasa, sebelum dan selepas penduduk British. Analisa yang kritis mengenai sejarah penerimaan undang-undang Inggeris menjadi tumpuan kajian.

Sebahagian besar sukatan pelajaran dikhaskan untuk pengkajian sumber-sumber utama undang-undang Malaysia. Perundangan, keputusan Mahkamah, Undang-Undang Inggeris, Undang-Undang Islam dan Undang-Undang Adat. Antara perkara yang berkaitan dengan perbincangan tersebut ialah Perlembagaan Persekutuan, prinsip interpretasi statut dan dektrin duluhan mengikat.

Kursus ini ditamatkan dengan perbincangan mengenai jentera keadilan iaitu kajian sistem mahkamah dan profesion undang-undang. Bahagian ini, dengan itu akan memerhati struktur dan bidangkuasa mahkamah proses pembicaraan, badan kehakiman, perkhidmatan undang-undang dan Majlis Peguam.

**LM 105****Undang-Undang Tort**

Kursus ini memberikan gambaran secara menyeluruh dan khusus tentang Undang-Undang Tort. Topik-topik yang diliputi termasuk remedi-remedi, pencerobohan aterhadap diri (hentaman, serangan, salah faham pencerobohan terhadap tanah, gangguan atas hartabenda, salah milik, salah simpan kecuaian, tanggungan beralih, tanggungan penghuni, tanggungan keras, kacauanggu fitnah dan dalihan-dalihan. Pendekatan yang diambil adalah secara akademik dan praktikal ditekan melalui latihan penyelesaian masalah-masalah praktikal dalam tutorial.

## Kursus Tahun Pertama

### LM 107 Undang-Undang dan Masyarakat

Kursus ini cuba memberikan kepada pelajar-pelajar syarikat perspektif sosial secara pengenalan awal dengan mengkaji perjalanan undang-undang dalam konteks sosialnya. Adalah diharapkan bahawa pelajar-pelajar mendapat perspektif yang pelbagai mengenai isu-isu penting dalam undang-undang serta didedahkan kepada kebanyakan isu-isu kemasyarakatan yang mungkin dibangkitkan dalam berbagai kehidupan profesyen mereka kelak.

Kursus ini merangkumi tanggapan-tanggapan undang-undang yang berbeza, perspektif sejarahnya, undang-undang dan konteks sosial Malaysia, halangan-halangan kepada keadilan (Mahkamah, bahasa undang-undang, peguam, hukuman dan sebagainya) serta isu-isu semasa seperti masalah kemiskinan, pembahagian dan kegunaan tanah, masalah wanita dan kanak-kanak, alam sekitar, pengislaman dan nilai-nilai demokrasi.

Kursus ini bertujuan menimbulkan di dalam diri pelajar penilaian kritikal mengenai masyarakat Malaysia dan peranan undang-undang, pengetahuan mengenai asal-usul sistem undang-undang kini, kesedaran mengenai halangan-halangan kepada keadilan yang sedia ada dalam sistem itu, kebolehan menyarankan perubahan-perubahan yang diperlukan dalam masyarakat, kesedaran mengenai isu-isu semasa yang penting dalam masyarakat dan keinginan untuk menggunakan pengetahuan undang-undang uang diperolehi nanti bagi kepentingan ramai.

### LM 108 Undang-Undang Keluarga

Kursus ini membincangkan undang-undang yang keluarga berkenaan dengan keluarga dan perhubungan kekeluargaan di Malaysia. Perhatian mendalam diberi kepada perlangsungan, pembatalan dan pembubaran perkahwinan; hak-hak dan kewajipan suami dan isteri; hak dan kewajipan ibubapa dan kanak-kanak dengan tekanan khusus pada kesahtrafan, penjagaan dan pengambilan anak angkat.

## Kursus Tahun Kedua

LM 201  
Bahasa Malaysia II

Kursus ini merupakan lanjutan daripada rancangan tahun pertama. Bahasa Malaysia diajar secara lebih terperinci dan kerja-kerja pembetulan yang lebih banyak diberi mengikut apa yang diperlukan.

Tujuan khusus kursus tahun kedua ini ialah untuk menguatkan lagi pengetahuan asas Bahasa Malaysia supaya pelajar-pelajar menjadi lebih cekap dalam menggunakan Bahasa Malaysia yang digunakan dalam pengajian undang-undang mereka.

1. This course provides reinforcement and extension in the foundational skills covered in the first year course, including an opportunity to apply all these skills in a project/assignment at the end of the course.
2. The oral component strives to further develop the communicational skills of the students in situations relevant to their field of study like arguing a case, building up conversations around problems, and interviews. These situations demand different permutations of the linguistic skills developed in the first year.
3. The writing component for the second year builds on the foundations laid in the first year course in three ways:
  - a. The students are expected to engage in more extended writing involving the writing of assays, rephrasing of judgements, and reporting of cases.
  - b. More precision in the use of language and organisation of argument is expected.
  - c. The complexity of the ideas they have to express in English is progressively increased.

## Kursus Tahun Kedua

**LM 203**  
**Undang-Undang**  
**Jenayah**

Kursus ini pada amnya mengkaji Kanun Keseksaan, kecualian kepada tanggungan jenayah dan berbagai kesalahan penting. Statut lain mengenai tanggungan jenayah dan pengecualian daripadanya dalam bidang tertentu seperti kesalahan jenayah kecil, lalulintas, rasuah dan hasutan juga dibincangkan. Bahagian penting kursus ini ialah pemeriksaan ke atas perkembangan peranan mens rea dalam jenayah. Rujukan Undang-Undang Jenayah dalam Islam.

**LM 205**  
**Undang-Undang**  
**Perlembagaan**  
**Malaysia**

Perlembagaan Malaysia dikaji berdasarkan beberapa prinsip, konsep dan doktrin yang terdapat dalam kebanyakan sistem perlembagaan berparlimen dan bercorak persekutuan. Perbandingan secara umum merupakan suatu unsur penting secara umum dan juga amalan perlembagaan. Perlembagaan dinilaikan berdasarkan kepada Pengasiran Kuasa, Kedaulatan Undang-Undang, Ketinggian Parlimen dan Konvensyen Perlembagaan. Sejarah perkembangan perlembagaan digunakan sebagai latarbelakang kepada ciri-ciri Perlembagaan Malaysia masakini, seperti bentuk Persekutuan dan perhubungan di antara kerajaan di Malaysia. Pada masa yang sama prinsip-prinsip umum tafsiran perlembagaan dan remedi-remedi perlembagaan dikaji. Kuasa serta fungsi badan-badan perundangan, sebalik hak asasi rakyat dan kewarganegaraan. Aspek-aspek khusus termasuklah kuasa-kuasa khas menentang perbuatan subversif, kuasa-kuasa darurat, Bahasa Kebangsaan, kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan kedudukan istimewa Sabah dan Sarawak. Perbincangan juga ditumpukan kepada masalah perkembangan semangat berpelembagaan (constitutionalism) dalam menghadapi cabaran-cabaran semasa dan kepada penilaian tentang masa depan sistem perlembagaan Malaysia.

**Kursus**

**LM 206**  
**Undang-**  
**Tanah**

**LM 209**  
**Undang**  
**Kontra**

## Kursus Tahun Ketiga

## Kursus Tahun Kedua

LM 206  
Undang-Undang  
Tanah

Kursus ini membincangkan prinsip-prinsip dan konsep mengenai Undang-Undang Tanah di Malaysia yang terkandung dalam Kanun Tanah Negara 1965, Kanun Tanah Sarawak (Bab 01) dan Ordinan Tanah Sabah (Bab 68). Tajuk-tajuk yang dibincangkan termasuk jenis dan luasnya hak tuanpunya tanah di Malaysia, pendaftaran hakmilik, urusan-urusan tanah (termasuk jual janji) dan sekatan-sekatan urusan dan tanah rezab Melayu. Kursus ini juga membincangkan pentadbiran tanah di Malaysia. Ia memberi perhatian kepada hak dan kuasa Pihak Berkuasa Negeri dan pegawai-pegawai Pejabat Tanah mengenai tanah, pemberian milikan tanah, pungutan cukai sewa, pendaftaran hakmilik tanah dan pengambilan tanah.

LM 209  
Undang-Undang  
Kontrak

Kursus ini melibatkan pengajian prinsip-prinsip am mengenai Undang-Undang Kontrak di Malaysia dengan berdasarkan kepada Akta Kontrak 1950 (Disemak 1974). Segala perhubungan akibat daripada perjanjian, hak dan obligasi pihak-pihak di bawah status dan keputusan-keputusan hakim dibincang dan dianalisa. Juga, keputusan hakim-hakim Malaysia dan India dikaji dan dibandingkan dengan kedudukan di bawah common law. Perhatian yang khusus diberi kepada remedi-remedi kontrak, exuiti dan restitusi.

## Kursus Tahun Ketiga

LM 301  
Bahasa  
Malaysia III

Kursus ini adalah lanjutan daripada rancangan tahun kedua dan melibatkan latihan kefahaman daripada bahan-bahan yang berunsurkan undang-undang, perbincangan dan perbahasan mengenai berbagai tajuk yang berkaitan dengan bidang pengkhususan para pelajar. Tekanan yang sama diberi terhadap pengajaran lisan dan tulisan.

Tujuan kursus bahasa tahun ketiga ialah untuk meninggikan lagi taraf pencapaian dan penggunaan Bahasa Malaysia supaya para pelajar lebih fasih dalam menggunakan Bahasa Malaysia yang digunakan dalam disiplin asas mereka sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan.

The syllabus consists of 21 units divided into three stages follows:

Stage 1 Units 1 - 10, Establishing information.

The lawyer establishes information in court and in his office by questions. All ten units in this stage are mainly (but not exclusively) concerned with asking questions.

Unit 1. Establishing information

- Unit 2. Eliciting precise information
- Unit 3. Establishing degrees of certainty
- Unit 4. Eliciting relevant information
- Unit 5. Sequencing information
- Unit 6. Developing a topic
- Unit 7. Introducing a new topic
- Unit 8. Making assumptions
- Unit 9. Asking leading questions
- Unit 10. Correcting unsatisfactory replies.

Stage 2 Unit 11 - 16. Using information to develop an Argument.

The lawyer uses information in order to support one side of an argument against the other.

### Kursus Tahun Ketiga

- Unit 11. Expressing Opinions
- Unit 12. Summarising
- Unit 13. Explaining alternatives
- Unit 14. Supporting and attacking an interpretation
- Unit 15. Making and demanding concessions
- Unit 16. Making evasions

Stage 3 Units 17 - 21. Arguing in professional encounters.

The lawyer uses argument in a limited range of professional encounters:

- Unit 17. Interviewing a client
- Unit 18. Negotiating with another lawyer
- Unit 19. Counseling a client
- Unit 20. Examining a witness
- Unit 21. Cross-examinit a witness

LM 303  
Undang-Undang  
Persatuan

Daripada berbagai jenis persatuan perniagaan yang mungkin dapat ditubuhkan, hanya dua jenis sahaja yang dikaji dalam kursus ini, yakni perkongsian dan syarikat yang didaftarkan. Namun demikian perbezaan yang wujud di antara berbagai jenis persatuan perniagaan dibincangkan. Mengenai perkongsian dan syarikat, perhubungan di antara ahli serta rakankongsi sesama sendiri dan dengan orang luar dikaji dengan mendalam. Berhubung dengan syarikat, prinsip entiti berasingan serta implikasinya dikaji. Lagipun, akibat pengassingan yang wujud di antara pemegang, syer dengan pihak pengurusan terutama sekali dalam syarikat awam, percubaan oleh mahkamah dan Parlimen untuk menghalang penyalahgunaan kuasa oleh mereka yang mengawal syarikat diselidiki dengan mendalam. Peraturan mengenai pembentukan kewangan korporat seperti pengeluaran syer dan gadaian syarikat juga dibincang.

LM 304  
Undang-Undang  
Keterangan

Kursus ini berasaskan Akta Keterangan 1950, dan membincangkan kaedan-kaedah yang menentukan (a) apakah fakta-fakta relevan, (b) bagaimana fakta-fakta relevan terbukti, dan (c) pemberian dan

### Kursus Tahun Ketiga

Kur

kesan berbagai jenis keterangan. Dalam hubungan ini, tajuk-tajuk yang diliputi termasuk: konsep-konsep kerelevan dan penerimaan; res gestae, keterangan terbaik dan dengar cakap; keterangan sama fakta; pengakuan bersalah; keterangan rasmi dan sekatan; keterangan pendapat, termasuk keterangan pakar; keterangan watak; beban dan berat pembuktian; fakta tidak memerlukan pembuktian; anggapan; keterangan lisan; suratan dan lain-lain; kelayakan dan pemakaian; sokongan; keistimewaan; pemeriksaan saksi dan tajuk lain yang berkaitan.

LM 306  
Ekuiti dan Amanah  
(Termasuk Pentadbiran Pesaka)

Sejarah dan perkembangan ekuiti. Pertembongan ekuiti dan undang-undang. Definisi dan sifat amanah. Keperluan amanah. Jenis-jenis amanah. Kuasa dan kewajipan pemegang amanah. Pecah amanah. Hak-hak dan remedi-remedi ekuiti. Jenis-jenis remdi ekuiti. Remedi ekuiti di bawah Akta Kontrak, Kanun Tanah Negara dan Akta Syarikat. Wasiat, Probet dan pentadbiran pesaka.

LM 307  
Undang-Undang  
Antarabangsa  
Awam

Kursus ini mempunyai sebagai tujuannya suatu peninjauan mengenai undang-undang keamanan am. Peninjauan ini meliputi sifat dan sumber undang-undang antarabangsa, perkaitan antara undang-undang antarabangsa dan undang-undang dalam negeri, subjek undang-undang antarabangsa, pengiktirafan negeri dan kerajaan, wilayah negeri, bidang kuasa negeri, undang-undang laut, tanggungjawab negeri, undang-undang triti dan penyelesaian pertikaian antarabangsa secara damai.

LJ 308  
Undang-Undang  
Pentadbiran

Kursus undang-undang pentadbiran meliputi kajian mengenai susunan, kuasa-kuasa serta tugas organ-organ pentadbiran. Dengan bertambahnya fungsi-fungsi kerajaan dan penubuhan badan-badan pentadbiran, undang-undang pentadbiran menjadi perkara semasa yang penting, khasnya dalam negara-negara berdemokrasi moden. Peningkatan litigasi dalam bidang ini memerlukan pengetahuan yang lebih mendalam terutamanya dari segi had-had atas kuasa kerajaan dan acara-acara bagi mengawalnya, serta remedi-remedi yang terbuka

Kursus Tahun Ketiga

bagi seorang individu sekiranya kepentingannya terjejas oleh tindakan pentadbiran. Walaupun tumpuan diberi kepada undang-undang di Malaysia, cara kajian yang digunakan ialah juga berbentuk perbandingan dan undang-undang berkaitan dari United Kingdom, Amerika Syarikat dan India digunakan untuk menerangkan dan menyatakan dengan lebih lanjut lagi beberapa konsep dan prinsip yang terlibat. Sebahagian daripada perkara yang dibincangkan termasuk ciri-ciri dan bidang undang-undang pentadbiran, perundangan kecil, kuasa separa kehakiman, keadilan asasi, acara pentadbiran, kuasa-kuasa budi bicara, semakan kehakiman ke atas tindakan pentadbiran, Ombudsman dan perusahaan-perusahaan awam.

LJ 309  
Undang-Undang

Kursus ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama menumpukan perbincangan mengenai

Undang-Undang Islam, kaedah-

kaedah umum dalam Undang-Undang Islam dan sejarah perkembangan Undang-Undang Islam dari peringkat permulaan hingga kehari ini. Perbincangan juga merangkumi perkembangan Undang-Undang Islam di Malaysia dan pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia.

Bahagian kedua menumpukan perbincangan mengenai Undang-Undang Keluarga Islam. Perbincangan merangkumi persoalan pertunangan, perkahwinan, pembubaran perkahwinan, keturunan dan jagaan anak. Perbincangan juga ditumpukan kepada amalan Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia. Juga dibincangkan ialah pembahagian pesaka, wakaf dan wasiat menurut Islam.

LJ 312  
Pertelingkahan  
Undang-Undang

"A adalah seorang warganegara Malaysia. Dia telahpun jatuh cinta dengan B, seorang warganegara Venezuela dan mereka telahpun berkahwin di

Mengikut undang-undang Venezuela perkahwinan itu sah mengikut undang-undang itu sah tetapi mengikut undang-undang Malaysia perkahwinan itu tidak sah. Kes ini dibawa ke Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur. Adakah perkahwinan sah atau tidak?"

## Kursus Tahun Ketiga

Ini adalah suatu contoh masalah pertelingkahan undang-undang yang terdapat lebih dari satu sistem undang-undang yang relevan di dalam sesuatu eks itu. Kursus ini akan mengkaji peraturan-peraturan yang diguna untuk menentukan undang-undang mana yang patut dipilih dan digunakan.

Tajuk-tajuk kursus ini termasuk domisil undang-undang keluarga kontrak, tort harta dan bidangkuasa mahkamah. Kursus ini akan mengkaji masalah-masalah pertelingkahan antarabangsa dan tidak akan mengkaji pertelingkahan domestik misalnya pertelingkahan antara undang-undang syariah dan sivil dan undang-undang adat dan sivil.

LJ 315  
Undang-Undang Hak  
Asasi Manusia dan  
Kemanusiaan  
Antarabangsa

Hak asasi manusia telah lama diperlindungi dan terus dipertahankan oleh undang-undang antarabangsa, khasnya Piagam Antarabangsa Hak Asasi Manusia. Kursus ini merupakan suatu kajian mengenai perkembangan itu dan suatu penyiasatan mengenai berbagai standard, bentuk dan acara berhubung dengan perlindungan hak asasi, termasuk kegiatan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa, serantau dan kebangsaan, sama ada antara-kerajaan atau bukan-kerajaan. Pengetahuan dan kesedaran pula didapati melalui penulisan seminar mengenai pelbagai hak asasi yang diperjuangkan seperti oleh Bangsa-bangsa Bersatu, Majlis Eropah, Negara-negara Amerika, Palang/Bulan Sabit Merah, Suruhanjaya Juris Antarabangsa dan Amnesty International. Keadaan sejagat hak asasi manusia masih boleh diperbaiki, dan perubahan yang diperlukan dapat dibuktikan oleh kelemahan dan kecacatan sistem undang-undang antarabangsa, dasar apartheid di Afrika Selatan, kesengsaraan orang-orang perlarian, dan pemusnahan serta pelanggaran kemuliaan manusia semasa perang. Langkah-langkah positif untuk memulihkan keadaan itu dan meningkatkan perlindungan hak asasi bagi umat manusia diberikan tumpuan, di samping perbandingan dengan kedudukan dalam negeri.

### Kursus Tahun Ketiga

lah  
pat  
ang  
ini  
una  
ang

sil  
cta  
kan  
ian  
iji  
ya  
iah

ngi  
ng  
lak  
tu  
tu  
d,  
an  
an  
au  
au  
an  
ar  
ng  
sa  
ra  
,

ty  
si  
an  
an  
g-  
di  
ng  
an  
1-  
cu  
ji  
ng

LJ 316  
Undang-Undang  
dan Pengguna

Kursus ini cuba mengkaji dan menilai hak pengguna di Malaysia, termasuk isu-isu bersama di antara negara-negara sedang membangun. Istilah "pengguna" termasuk para pengguna barang, perkhidmatan serta alam sekitar. Isu-isu merangkumi keselamatan barang, penetapan harga yang berpatutan, perkhidmatan-perkhidmatan (misalnya perumahan, air, peraturan kesihatan, dll) serta masalah-masalah alam sekitar.

Peristiwa-peristiwa kebelakangan ini yang berkaitan dengan koperasi, pengurusan salah bank dan syarikat, serta manipulasi pasaran saham menjadi sebahagian suatu siri kes kajian.

Kursus ini juga bertujuan menyelidiki lingkungan sistem undang-undang bagi maksud menguatkuaskan dan melindungi hak pengguna. Statut dan kes tertentu dinilai, dan turut .pa serta institusi yang terlibat (misalnya, Parlimen dan Badan Kehakiman), penyertaan para individu dan kumpulan dalam pergerakan pengguna sebagai sebahagian daripada hak-hak perlembagaan untuk bebas bersuara dan mengeluarkan fikiran, berhimpun secara aman dan menujuhkan persatuan. Perspektif antarabangsa menjadi suatu aspek yang penting. Peranan syarikat "generasi" dan perkembangan kempen pengguna pada peringkat antarabangsa diberi perhatian khas.

Tujuan kursus ini ialah untuk mendorong pemikiran dan perbincangan mengenai jenis-jenis tindakan yang mungkin diambil untuk memajukan hak dan kepentingan pengguna. Peranan para pelajar undang-undang serta para peguam dititikberatkan.

LJ 319  
Undang-Undang  
Islam II

Kursus ini terbahagi kepada dua bahagian:

Bahagian pertama membincangkan Undang-Undang Keterangan Islam yang menyentuh persoalan-persoalan asas pembuktian dalam Islam seperti Syahadah, Iqrar, Qarinah, Qasama serta beberapa kaedah pembuktian yang lain.

## Kursus Tahun Akhir

Bahagian Kedua mengkaji Undang-Undang Jenayah Islam yang meliputi tafsiran jarimah, jenayah, maksiat dan dosa. Perbincangan tertumpu kepada pembahagian hukuman menurut jenis kesalahan iaitu kategori-kategori hudud, qisas dan ta'zir serta memperincikan mengenai bentuk kesalahan, kadar kesiksaan, cara berlakunya kesalahan, rukun dan syarat yang berkaitan dengan kesalahan di bawah ketiga-tiga kategori di atas.

LM 401

Jurisprudens

Kursus ini membincangkan berbagai atensi undang-undang seperti undang-undang tabi, positivisme, mazhab sejarah dan antropologi, realisme Amerika, pendekatan ekonomi dan mazhab sosiologi. Konsep-konsep seperti nilai, orang, pemgunaan dan milikar juga dikaji. Rujukan juga dibuat kepada perhubungan undang-undang dan moraliti serta fungsi undang-undang dalam masyarakat. Di setakat yang boleh konsep ini dibincangkan dalam konteks undang-undang kes dan keadaan tempatan.

LM 402  
Acara Sivil

Tujuan umum kursus ini adalah untuk memperkenalkan para pelajar kepada prinsip-prinsip yang mengasaskan penyelesaian tindakan sivil di bawah sistem pertentangan. Kajian ini termasuk di dalamnya kesan-kesan sosio-ekonomi. Kursus ini meliputi struktur mahkamah dan profesion guaman, dan juga perkaitan dan keperluan tindakan sivil sebagai alat menyelesaikan pertelingkahan. Satu kajian mendalam mengenai kaedah dan amalan acara di Mahkamah Tinggi, termasuk pengubalan dokumen dan "pliding", diadakan. Kursus ini diakhiri dengan mengkaji acara mengenai pentadbiran pusaka dan amanah secara keseluruhannya. Kursus ini ini meliputi juga acara sivil di Mahkamah Agong dan Mahkamah Rendah.

LJ 403  
Urusan-Urusan  
Perdagangan

Tujuan utama kursus ini adalah untuk mengkaji secara menyeluruh tiga jenis urusan perdagangan, iaitu (a) penjualan barang-barang, (b) sewabeli dan (c) insuran. Kursus ini juga mengkaji beberapa aspek yang berkaitan dengan urusan-urusan perdagangan seperti perwakilan, perdagangan antarabangsa, pengangutan barang-barang oleh kapal, pinjaman dan jaminan dan bil jualan.

LJ 40  
Undan  
Buruh

LM 40  
Pent  
Keac

LJ  
Und  
Cuk

LJ  
Ur  
Su

LJ 404  
Undang-Undang  
Buruh

Undang-Undang Buruh atau Undang-Undang Perusahaan adalah undang-undang berkenaan dengan perhubungan di antara majikan dan pekerja. Perkara-perkara berikut dibincangkan di dalam kursus ini: (i) Perhubungan individu di antara majikan dan pekerja. (ii) Perhubungan berkumpulan di antara kesatuan sekerja pekerja-pekerja dan simajikan/kesatuan sekerja simajikan. (iii) Tindakan perusahaan simajikan dan pekerja-pekerja dan tanggungan sivil dan jenayah yang berikutnya (iv) Hubungan yang istimewa di antara kerajaan dan pekerja serta Kesatuan Sekerja di bawah Akta Perhubungan Perusahaan (v) Sistem Keselamatan Sosial Malaysia.

LM 405  
Pentadbiran  
Keadilan Jenayah

Kursus ini mengenai acara jenayah di Malaysia dari peringkat tangkapan ke peringkat rayuan dan semakan. Bidangkusa mahkamah-mahkamah jenayah akan memulakan kursus, diikuti oleh tangkapan, geledah, kuasa-kuasa Pendakwaraya, siasatan polis, penyataan kepada polis, pembicaraan ringkas, pembicaraan di Mahkamah Tinggi, jaminan, tuduhan, penghukuman dan akhir sekali rayuan dan semakan.

LJ 406  
Undang-Undang  
Cukai

Kursus ini dibentuk untuk memberi pemahaman dalam konsep dan kandungan Undang-Undang Cukai. Ia juga bertujuan memberi prinsip asas kepada mereka yang perlu tahu cara menggunakan. Tajuk untuk dibincangkan termasuk Pendapatan Diri, Pendapatan Pengajian dan Perniagaan, Penilaian Stok Perniagaan, Sistem Cukai Perkongsian dan Syarikat, Elaun Modal, Pengelakan Cukai, Amanah dan Waad, Duti Estet dan Stem, Cukai Keuntungan Hartanah dan Cukai Pendapatan Petroliam. Kursus ini juga mengandungi kajian mengenai pentadbiran cukai dan cara-cara cukai ditaksir. Undang-Undang Cukai negara yang lain yang berkaitan dengan sistem cukai Malaysia juga diperbandingkan dan diberi perhatian.

LJ 407  
Urusan Bank dan  
Suratcara Niaga

Kursus ini meliputi kajian bank perdagangan termasuk bank perdagangan Islam. Perhatian ditumpukan kepada hubungan pihak bank pelanggan serta kewajipan dan masalah yang berbangkit darinya, kesan Perintah Garnishi dan Tegahan Mareva terhadap akaun pelanggan. Kursus ini juga memeriksa bil pertukaran, cek serta pengeluaran, perniagaan, pembayarannya serta masalah yang berhubungan dengannya

## Kursus Tahun Akhir

Kursus

seperti pemalsuan, konversi dan salah pembayaran. Kursus ini juga akan mengkaji kemudahan surat-surat kredit, sejenis cara pembayaran bagi perdagangan antarabangsa.

LJ 416  
Undang-Undang  
Alam Persekitaran dan  
Sumber-sumber  
Asli

Kursus ini akan memberi tumpuan kepada undang-undang dan polisi yang berkaitan dengan alam persekitaran dan sumber-sumber asli di Malaysia. Penekanan utama akan diberi kepada hal-hal pencemaran, perhutanan, perlombongan dan hidupan liar. Hubungan Kerajaan Persekutuan-Negeri akan dikaji dalam menentukan bagaimana sumber-sumber yang terdapat di Malaysia dimanfaatkan bagi kegunaan di peringkat nasional.

Pelajar adalah diharapkan untuk mengambil bahagian secara aktif di dalam kursus ini dan memerlukan pembacaan secara persendirian, pembentangan kertas seminar dan penulisan penilaian kertas seminar pelajar lain.

Penguasaan Bahasa Inggeris yang baik dan persediaan untuk meluaskan bahan bacaan luar daripada bidang undang-undang adalah memberi kelebihan bagi pelajar yang mengambil kursus ini.

LJ 417  
Undang-Undang  
Perlembagaan  
Perbandingan

Kesejahteraan sesebuah negeri bergantung sebahagian besarnya pada struktur perlembagaan. Perlembagaan Malaysia bermula kuatkuasanya dalam tahun 1957 dan semenjak itu telah mengalami beberapa pindaan. Sebahagian dari unsur-unsur Perlembagaan Malaysia adalah hasil tempatan sementara dipadankan daripada perlembagaan-perlembagaan lain. Mahkamah Malaysia juga kerap kali merujuk kepada kes-kes yang diputuskan di negeri-negeri lain apabila menterjemahkan peruntukan Perlembagaan Malaysia. Oleh demikian pengkajian perlembagaan ini dengan cara perbandingan menjadi sesuatu yang diperlukan. Tidak terdapat sesuatu perlembagaan masa kini yang keseluruhannya sui generis dan lengkap.

Seorang peguam undang-undang perlembagaan perlu merujuk kepada pengalaman perlembagaan-perlembagaan asing untuk mendapatkan suatu perspektif benar, agar perlembagaannya sendiri dapat dianalisa dan dipertimbangkan. Terdapat suatu tabung pengalaman, kepintaran dan warisan dalam bidang proses pemerintahan

LJ 418  
Undang  
Harta  
tual  
Perin

LJ 41  
Tuan  
dan P  
Urusn

## Kursus Tahun Akhir

darimana seorang peguam undang-undang perlembagaan dapat mencari bahan.

Kursus ini ditawarkan dengan objektif tersebut. Rujukan dibuat kepada berbagai aspek tertentu perlembagaan-perlembagaan terkenal di dunia seperti perlembagaan United Kingdom, Amerika Syarikat, India, Kanada dan Australia.

LJ 418  
Undang-Undang  
Harta Intelek-  
tual dan Secara  
Perindustrian

Kursus ini meliputi bidang-bidang berikut: Patah, hakcipta, rekabentuk, maklumat sulit, tanda niaga yang berdaftar dan kekeliruan. Secara am undang-undang yang berkenaan dengan bidang-bidang tersebut memberi perlindungan kepada hasil intelek, pemikiran dan keciptaan manusia. Kursus ini akan mengkaji bagaimana harta intelek dan perindustrian diberi perlindungan di bawah setiap tajuk, jenis dan skop perlindungan yang diberikan dan remedi yang ada dalam kes-kes pelanggaran.

LJ 419  
Tuan rumah  
dan Penyewa dan  
Urusniaga Tanah

Kursus ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian I mengkaji prinsip-prinsip am yang menguasai perhubungan antara tuanrumah dan penyewa. Topik-topik yang dibincangkan termasuk kewujudan perhubungan tuanrumah dan penyewa, perjanjian yang dikaitkan, pengakhiran perhubungan, pelanggaran perjanjian pajakan dan pemulihan yang ada, penyitaan dan perlepasan dari penyitaan dan pembaharuan perjanjian pajakan. Penyewaan terkawal juga dibincangkan, di mana-mana yang berkenaan. Bahagian II mengkaji penjualan-penjualan tanah. Bahagian ini mengkaji peringkat-peringkat yang berkaitan dengan aspek urusniaga tanah ini, dari peringkat prakontrak, termasuk prosedur kaweat dan cagaran, ke pendaftaran pindahmilik. Keadaha-kaedah yang menguasai pemaju rumah juga dibincangkan.